



TIADA ruang bagi pengguna Transit Aliran Ringan (LRT) di stesen Taman Melati, Kuala Lumpur untuk meletakkan kenderaan.

Tiada ruang bagi pengguna LRT parkir kereta di tempat awam

SAYA merupakan antara pengguna perkhidmatan awam Transit Aliran Ringan (LRT) untuk ke tempat kerja.

Bagi memudahkan perjalanan, saya meletakkan kenderaan di lot letak kereta awam Taman Melati, Kuala Lumpur.

Saya kesal dengan tindakan orang awam yang mengambil kesempatan dengan meletakkan kereta usang, van dan lori. Malah ada peniaga kecil meletakkan kon bagi menghalang pengguna lain daripada meletakkan kenderaan di kawasan berkenaan.

Terbaharu, saya dapati mereka meletakkan kayu bagi menghalang pengguna LRT meletakkan kenderaan.

Bertambah kesal apabila pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 'suka' mengenakan kompaun kepada pengguna seperti saya yang meletakkan kenderaan di tepi jalan, walhal kami tidak mengganggu lalu lintas.

Malah kami tiada pilihan disebabkan lot tempat letak kenderaan tersedia dipenuhi kereta buruk, van niaga dan kon oleh peniaga tepi jalan. Apa pilihan kami ada? Kenapa tidak musnahkan kereta usang dan menghalang peniaga daripada meletakkan kenderaan dan kon di lot parkir awam?

Adakah tindakan mengenakan kompaun dapat membantu menyelesaikan masalah pengguna lebih-lebih lagi di tempat awam yang lot tempat letak kenderaannya sangat terhad?

PENGUNA LRT
Gombak, Selangor